



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam**

**PEMBANTU PERTANIAN KANAN (C.2 EB.3)  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU PERTANIAN KANAN  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Mikrobiologi / Pemasaran Agribisnes / Pertanian / Sains Pertanian / Tanaman / Teknologi Lepas Tuai atau bidang bersesuaian.*

**ATAU**

- b) *Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.*

**ATAU**

- c) *Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.*

2. *Mempunyai pengetahuan asas teknologi penanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan pelbagai tanaman.*
3. *Mempunyai kemahiran dalam menyediakan aliran tunai kewangan (*cashflow*).*

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. *Membantu Ketua Unit Kemajuan Industri Pelbagai Tanaman bagi melaksanakan tugas pelaksanaan program peningkatan hasil pelbagai tanaman serta pentadbiran unit;*



2. Memantau dan memastikan pelaksanaan projek di bawah Pelan Strategik Kementerian mengikut jadual yang telah ditetapkan;
3. Memperkenalkan dan mempromosi Brunei *Good Agricultural Practice (GAP)* kepada peladang pelbagai tanaman bagi hasil yang dikeluarkan berkualiti dan selamat;
4. Membantu menyelaras dan memastikan perkembangan Projek Industri Tanaman dan Pelbagai Tanaman dalam pelaksanaan pemadanan perniagaan dan pemasaran; dan
5. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Pejabat dari semasa ke semasa.